

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 39 RABU 27HB. SEPTEMBER, 1972.

1392 رابو 18 شعبان

PERCHUMA



Y.T.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa.

Lt. Colonel Kehormat di-kurniakan kapada Pehin Isa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berkenan mengurniakan satu tauliah kehormatan yang mempunyai pangkat Leftenan Colonel dalam pasukan Askar Melayu Diraja Brunei kepada Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa mulai dari 4hb. September, 1972.

Pengurniaan ini ada-lah sa-bagai penghargaan terhadap bantuan besar yang telah di-berikan oleh Yang Teramat Berhormat itu kepada pasukan tersebut sa-chara rasmi dan sa-bagai sa-orang sa-habat dalam masa beberapa tahun yang lalu.

Pangkat kehormat ini tiada mempunyai sa-barang tanggung-jawab atau tugas pasukan, tetapi pangkat ini memberikan hak kepada beliau untuk memakai uniform pasukan dalam semua upacara pasukan dan menerima penghormatan yang layak di-berikan kepada sa-orang Leftenan Colonel.

Sa-rentak dengan itu, Duli Yang Maha Mulia telah juga mengurniakan pangkat Colonel kehormat kepada Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkihah yang sejak bulan Nohember, 1970 telah menyangand pangkat Leftenan Colonel kehormat pasukan tersebut.

Paduka Seri Begawan Sultan menyeru raayat supaya menderma untuk pembinaan stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin berseru kepada seluruh raayat dan penduduk negeri ini supaya memberikan kerjasama yang erat dalam melaksana dan menajayakan pembinaan Stadium Brunei.

Belanja pembinaan stadium sa-bagai memperingati keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei itu sa-bahagian-nya akan di-tang-gong bersama oleh seluruh raayat dan penduduk negeri ini melalui sumbangan2 derma yang tidak berlawanan dengan peratoran2 negeri yang berkuatkuasa pada masa ini.

Dalam sabda melalui Radio bagi sempena Hari Lahir Duli Yang Teramat Mulia itu pada 23hb. September yang lalu, Duli Yang Teramat Mulia itu bersabda bahawa hasrat untuk melibatkan sumbangan dan tenaga seluruh raayat dan penduduk negeri ini ada-lah juga hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Duli Yang Teramat Mulia itu berpendapat bahawa chara seperti itu ada-lah sebaik2-nya dalam sa-tiap usaha yang berkebakikan seperti pembe-naan stadium tersebut.

"Dengan chara begini bermaana yang tungkat gelagar serta jiwa stadium ini ada-lah raayat dan penduduk negeri ini", sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi bahawa dengan menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan itu, raayat serta

(Lihat muka 8)

Terasol permulaan kapada Pehin Isa

DENGAN ini ada-lah di-ma'alomkan untuk pengetahuan umum bahawa terasol permulaan kapada Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa di-sebut dengan ayat "Yang Teramat Berhormat", Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.



Melihat anak bulan Ramadhan

Pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama pegawai2 Jabatan Ukur Brunei akan melihat akan bulan Ramadhan pada hari Ahad 8hb. Oktober depan, bagi menentukan awal Ramadhan.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama menyatakan, jika anak bulan di-lihat pada petang itu, maka permulaan puasa bagi tahun ini akan jatuh pada hari Isnin 9hb. Oktober, jika tidak nampak puasa akan bermula pada hari Selasa 10hb. Oktober.

Rombongan tersebut akan melihat anak bulan Ramadhan di-Bukit Tabor Bintang di-Berakas, Istana Pantai di-Tutong dan di-Sungai Bera, Seria.

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat menyaksikan pertandingan permainan pasukan pancharagam Pulis Diraja Brunei di-padang besar Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

Turut menyaksikan pertandingan itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Dato Peter Gautrey, D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkihah; Yang Teramat Berhormat Penasehat Umum kebawah D.Y.M.M. Al-Sultan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa, Pemangku Menteri Besar; Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Y.T.M. Seri Paduka Duli2 Wazir Y.A.M. Cheteria2 dan pegawai2 kanan kerajaan.

Pertunjukkan permainan pasukan pancharagam itu ada-lah untuk memperingati penubuhan pasukan pulis Diraja Brunei, pengurniaan gelaran Diraja kepada pasukan itu dan pengurniaan Panji2 Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia.

Gambar atas menunjukkan D.Y.M.M. ketika berangkat tiba untuk menyaksikan pertandingan permainan pancharagam itu. Sementara di-sebelah kiri, D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan sedang di-alu2kan oleh Pesuruhjaya Pulis Diraja, Dato J.R.H. Burns.

RAAYAT DI-SERU BEKERJASAMA BAGI MENJAYAKAN PEMBENAAN STADIUM —

SABDA ALU2AN PENGISHTIHARAN PENGUTIPAN DERMA TABONG PEMBENAAN STADIUM OLEH DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN SIR MUDA OMAR ALI SAIFUDDIN MELALUI RADIO BRUNEI PADA 23HB. SEPTEMBER, 1972.

DENGAN mendahulukan segala puji2an bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam kapada Rasul-Nya Saidina Muhammad s.a.w. serta sekalian sahabat Baginda yang jujur lagi amanah. Beta mengambil peluang yang indah melailakan ia-itu sukut sempena baik hari lahir Beta ini untuk melafadzkan laila hasrat dan pendapat Beta mengenai dengan pembenaan Stadium atau Gelanggang Olahraga yang sedang giat diranchang dan akan dilaksanakannya pembenaan-nya oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei pada 29 bulan Februari 1972 yang bersama-sama kita sambut dan rayakan sechra penoh beradat istiadat ada-lah merupakan suatu ristaan sejarah yang gemilang bagi Negeri Brunei Darus Salam serta penduduk dan isi di-dalam-nya. Keberangkatan Ratu dari sa-buah negara yang mempunyai hubungan berbaik2 dengan Negeri Brunei sejak tahun 1847 itu bukan hanya akan menjadi suatu ristaan sejarah anak chuchu kita tetapi juga keberangkatan itu telah dan akan mengketatkan laila kukoh pada mengeratkan lagi persahabatan, kerjasama dan hubungan berbaik2 di-antara United Kingdom dengan Negeri Brunei Darus Salam. Dengan bersandarkan hakikat ini-lah maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Sir Muda Hassanul Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah menitahkan supaya di-bentok satu Jawatankuasa untuk memikirkan chara yang berkesan, kekal dan laila bisai untuk memperingati keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei itu. Jawatankuasa ini telah menyebarkan chadangan-nya supaya di-bena sa-buah Stadium di-Bandar Seri Begawan untuk menjadi tanda laila kenangan dan ingatan kapada budi baik Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen dan sa-bagai chendera kenang2an mengenai lawatan yang bersejarah itu, dan chadangan ini telah di-perkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Belanja pembenaan Stadium ini sa-bahagian-nya akan di-tanggung bersama oleh seluroh ra'ayat dan penduduk negeri ini melalui sumbangan2 derma yang tidak berlawanan dengan peratoran2 negeri yang berkuatkuasa pada masa ini. Hasrat untuk melibatkan sumbangan dan tenaga dari seluroh ra'ayat dan penduduk negeri ini ada-lah hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan juga. Beta berpendapat chara saperti ini ada-lah yang sebaik2-nya dalam sa-tiap usaha yang berkebaikan saperti pembenaan Stadium ini. Dengan chara begini berma'ana yang tungkat gelagar serta jiwa Stadium ini ada-lah ra'ayat dan penduduk di-negeri ini. Dengan menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan itu, ra'ayat serta penduduk negeri ini akan menunjokkan ta'at setia mereka kapada Sultan dan Negara. Dengan kerjasama yang erat dari seluroh ra'ayat serta penduduk negeri ini, Insha' Allah pekerjaan yang berkebaikan ini akan memperoleh kejayaan.

Dengan sempena sukut baik hari lahir Beta ini, Beta dengan penoh tulus ikhlas berseru kapada seluroh ra'ayat serta penduduk negeri ini supaya memberikan kerjasama yang sa-erat2-nya kapada orang2 yang telah di-atorkan melaksanakan usaha yang akan mendatangkan laila kebaikan kapada negeri kita Brunei yang di-kasehi ini. Hurlur-lah derma sa-angkat2 hati dengan di-sertai niat tulus ikhlas laila jujur. Beta penoh harapan dan yakin semangat memuchang-muchang atau tolong-menolong maseh

hidup dan akan terus hidup pada sa-tiap ra'ayat penduduk Brunei. Semangat ini hendaklah di-amalkan dengan sa-baik2-nya, bukan sahaja untuk pembenaan Stadium ini bahkan dalam sa-tiap ranchangan yang bermunafaat yang di-usahkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan. Dengan semangat yang kita warisi turun-temurun menghala ka-arrah kebajikan dengan sifat jujur serta laila amanah yang berpandukan

kapada ajaran2 Allah Subhanahu Wata'ala, negara kita Brunei Darus Salam yang sama2 kita kasehi ini akan dapat meni'mati suasana yang lebeh ma'amor, aman dan sentosa.

Mudah2an Allah Subhanahu Wata'ala akan melapangkan dada dan menunjokkan jalan yang di-redzai-Nya kapada seluroh hamba-Nya yang mengusahakan dan membantu pembenaan Stadium ini pada mengingatkan dan laila balasan kapada budi pertolongan baik.

D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

Belia2 di-seru mendekatkan diri dgn. ajaran2 Ugama Islam

BERAKAS. — Penguasa Pelajaran Ugama, Awang Yahya bin Haji Ibrahim telah menggesa belia2 di-negeri ini supaya mendekatkan diri mereka dengan ajaran2 Ugama Islam.

Beliau memuji sa-tengah2 persatuan belia di-negeri ini kerana mengambil inisiatif dengan menganjorkan pesta2 yang berchorak ugama di-kampung2 dengan harapan supaya masharakat Islam dapat memahami perkara2 benar menurut ajaran2 Islam yang maha suchi.

Penguasa Pelajaran Ugama itu, telah beruchap demikian, sa-masa merasmikan sambutan Isra' Me'raj anjoran Persatuan Pemuda-Pemudi Perpindahan Kampung Ayer, Berakas yang telah di-adakan di-Balai Raya, Kampung Jaya Setia, Berakas pada malam Khamis lepas.

Awang Yahya juga mengingatkan kapada johan qari dan qariah peringkat daerah dan negeri supaya terus berusaha meninggikan mutu bahaan mereka bukan saja samasa dalam peraduan2 bahkan ia-nya hendaklah di-amalkan sa-tiap masa.

Awang Ahmad bin Abu Bakar, sa-orang Pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menyampaikan sharahan khas dalam sambutan itu, sementara Awang Haji Besar bin Yahya, bekas johan qari seluroh negeri tahun lepas, telah mempersembahkan bacaan ayat2 suchi Al-Quran.

Majlis itu juga di-akhiri dengan peraduan membacha Quran lelaki dan perempuan dan membacha sajak.

Keputusan peraduan membacha Quran lelaki — pertama, Awang Haji Rosli bin Haji Bolaji; kedua, Awang Mohamad Noor bin Abdullah dan ketiga, Awang Haji Sahat bin Haji Idris.

Bahagian perempuan — pertama, Dayang Asiah binte Mudim Siraj; dan kedua, Dayangku Sa'adiah binte Pengiran Haji Mahmud.

Peraduan membacha sajak — pertama, Dayangku Normah binte Pengiran Tuah; kedua, Awang Abdul Ghani bin Abu Bakar; dan ketiga, Awang Metussin bin Haji Mohamad Tahir.

(Dari Muka 3)

RASSULULLAH s.a.w. pernah menggambarkan empat tanda bagi orang yang bersifat munafik ia itu sa-bagaimana sabda baginda yang bermaksud:

"Barang siapa ada pada-nya empat2 sifat ini ia ada-lah orang munafik, dan barang siapa ada pada-nya satu sa-haja berarti ada pada-nya satu bahagian daripada ni-fak, hingga dia meninggalkan perkara itu ia itu sa-seorang itu apabila di-amanahkan sa-suatu perkara di-khianatkan-nya, dan apabila dia berchakap dia bohong, apabila dia berjanji tidak di-tepati-nya dan manakala dia berselisih faham tidak mahu mengaku kebenaran orang yang di-lawan-nya".

Daripada hadith di-atas itu jelas kepada kita tanda2 orang yang bersifat munafik itu sama ada yang bersifat dengan ke-empat2 sifat itu atau pun salah satu daripada-nya. Tujuan Rasulullah menerangkan sifat2 orang2 munafik itu ialah untuk membedakan antara orang yang benar2 jujur dan ikhlas dengan orang2 yang papat di-luar rinchong di-dalam supaya dengan demikian umat Islam akan lebih berhati2 dalam menghadapi anggot2 masyarakat yang bersifat demikian. Sebab orane2 yang munafik itu amat-lah berbahaya dan lebih berbahaya daripada musuh yang terang.

Dalam kehidupan kita sehari2 atau dalam sa-suatu perkumpulan kadangkala kita

EMPAT TANDA BAGI ORANG YANG BERSIFAT MUNAFIK



KHUTBAH JUMA'AT

Ke-empat2 tanda sifat munafik itu ia-lah:

- Mengkhiyanati sesuatu perkara yang di-amanahkan;**
- Berchakap bohong;**
- Tidak menepati janji; dan**
- Tidak mahu mengaku kebenaran.**

akan mendapati orang yang bersifat dengan sa-bahagian daripada tanda2 munafik itu, malah kadang2 kita boleh mendengar kata2 yang manis macham madu, sedangkan amalan-nya pahit macham hempedu. Ini-lah orang pembohong nama-nya.

Mari-lah kita mengambil perhatian tentang amanah Rasulullah s.a.w. dalam hadith-Nya itu. Arti munafik itu bukan-lah sa-takat kaum2 kafir yang berpura2 Islam sa-bagaimana Abdullah bin Abi Salul di-zaman baginda Rasulullah, tetapi sa-siapa saja yang bersifat dengan salah satu sifat, yang di-sabdakan oleh baginda itu teriumlah mereka sa-baha-

gian daripada orang2 munafik. Jika kita teliti dengan sungoh2 puncha2 yang boleh menyebabkan kemundoran masyarakat Islam kita, neschaya akan kita dapati bahawa di-antara-nya ada-lah dengan sebab sifat2 yang di-sebutkan oleh baginda Rasulullah tadi maseh ada di-kalangan masyarakat Islam kita hari ini, malahan sifat2 itu di-tambah pula dengan sifat2 lain yang tidak kurang bahaya-nya seperti perasaan hasad dengki, tidak bersafahaman dan tidak mahu bertolong bantu antara satu dengan lain.

Oleh yang demikian dalam suasana dan zaman pembangunan di-sagenap bidang ini mari-lah kita waspada dalam semua kerja dan amalan yang kita usahakan supaya tidak diseludopi oleh orang2 yang bersifat dengan sifat2 jahat dan meruntuh itu. Moga2 orang2 yang bersifat khianat tidak dapat menipu kita dengan kepalsuan-nya dan tidak-lah musuh2 kita itu masok tidor dalam selimut kita yang akan membahayakan bangsa, agama dan negara kita.

Pepereksaan dewasa Agama akan di-adakan dalam bulan Nob, Dis.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Agama, Bahagian Pelajaran Dewasa akan mengadakan pepereksaan Agama dan membacha Quran di-seluruh negeri, dalam bulan Nobember dan Disember hadapan.

Pepereksaan pelajaran Agama Dewasa, Bahagian Rendah akan di-adakan pada 1hb. Disember.

Perpereksaan Menengah dan Tinggi akan di-adakan pada 22hb. Disember dan perpereksaan membacha Quran akan di-adakan pada 24hb. Nobember.

Borang2 untuk menyertai perpereksaan itu boleh di-dapati dari Guru2 Kelas Dewasa Agama dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 15hb. Nobember.

Sambutan Isra' dan Me'raj

TANJONG MAYA. — Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya, Daerah Tutong telah mengadakan sambutan Isra' Me'raj di-Balai Raya, Tanjong Maya pada minggu lalu.

Berbagai acara2 telah di-persembahkan termasuk-lah peraduan2 membacha Quran dan berzikir.

Ustaz Malai Ahmad Murad, sa-orang pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama telah memberi chera-mah mengenai Isra' Me'raj.

Sambutan itu telah di-rasmikan oleh Yang Di-Pertua, Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya, Awang Mohammad Taib bin Haji Mohammad Said sementara hadiah2 telah di-sampaikan oleh Kadhi Daerah Tutong, Awang Haji Ishak bin Adam.

Bakal2 haji di-jadualkan bertolak pada 11hb. Nob.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 48 orang bakal2 Haji Brunei di-jadualkan bertolak dari Labuan ka-Jeddah dengan kapal haji Malaysia Raya pada 11hb. Nobember dalam perjalanan mereka untuk menunaikan haji ka-Mekah.

Bakal2 Haji Brunei itu di-jadualkan tiba di-Jeddah pada 29hb. Nobember dan sa-telah selesai menunaikan fardhu Haji, mereka akan bertolak dari Jeddah pada 23hb. Januari tahun depan dalam pelayaran pulang ka-tanah ayer.

PERANGKAB jadi johan Quran

(Dari Muka 2)

Persatuan PERANGKAB telah berjaya menjadi johan membacha Quran dan berjaya merebut perisai hadiah Awang Ibrahim bin Abdul Rahman, Ketua Kampong Jaya Setia, Berakas.

Kumpulan peraduan membacha sajak di-menangi oleh Persatuan PIKAP dan berjaya mempertahankan perisai hadiah Awang Haji Omar bin Tamin.

Kedua2 persatuan itu telah menjadi johan tahun lepas.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Rombongan Haji itu di-jadualkan tiba di-Labuan pada 10hb. Februari dan pada hari itu juga mereka akan menaiki kapal kerajaan balek ka-Brunei.

Pemilihan ketua Kg.

TEMBURONG. — Penduduk2 di-Kampong Lagau, Belingos, Belaban Baru, Sibulu dan Salangan, Mukim Bangar, Daerah Temburong telah berhimpun di-Balai Raya, Kampong Belingos pagi semalam untuk memilih calon2 bagi jawatan Ketua Kampong di-kawasan itu.

Pemilihan Ketua Kampong yang baru itu ada-lah bagi menggantikan Awang Donglah bin Baha yang akan bersara tidak lama lagi.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 27hb. September, 1972 hingga ka-hari Selasa 3hb. Oktober, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
27hb.	Sept.	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08
28hb.	Sept.	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08
29hb.	Sept.	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08
30hb.	Sept.	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08
1hb.	Okt.	12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07
2hb.	Okt.	12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07
3hb.	Okt.	12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

27hb. Septembar, 1972.

PELAJARAN BAHASA INGERIS

JABATAN Pelajaran pada masa ini sedang melancarkan projek untuk membekalkan pelajaran asas Bahasa Inggeris kepada guru2 Melayu. Sa-jauh ini beberapa kursus khas bagi guru2 Melayu yang mengajar dalam sekolah2 rendah Melayu telah dan sedang di-jalankan dengan tujuan untuk melayakkan guru2 itu dalam menyalurkan pelajaran Bahasa Inggeris kepada murid2 di-sekolah rendah Melayu.

Menurut ranchangan Jabatan itu bahawa mulai tahun depan, semua sekolah2 rendah Melayu akan di-beri pelajaran asas bahasa Inggeris untuk membolehkan murid2 itu melanjutkan pelajaran ka-sabangan laut.

Menurut Nazir Negara Sekolah2, Awang Suni bin Haji Idris baru2 ini bahawa pelajaran Bahasa Inggeris sa-bagai bahasa kedua ada-lah penting di-ajarkan di-sekolah2 Melayu dalam zaman kemajuan sains dan teknologi ini.

Menimbulkan tentang pentingnya pengajaran Bahasa Inggeris ini yang di-iktirap sa-bagai bahasa kedua yang di-gunakan di-negeri ini, sama sekali tidak-lah membawa arti untuk menurunkan nilai Bahasa Melayu yang di-iktirap sa-bagai Bahasa Pertama. Sa-chara yang jelas dan dapat di-rasa melalui panchaindera bahawa Bahasa Inggeris itu merupakan satu bahasa yang terpaksa di-pelajari dan di-ketahui sa-bagai bahasa ilmu pengetahuan yang lebih banyak mengambil peranan penting.

Bahasa Melayu sa-memangnya kita hormatkan dan masih tetap kita perjuangkan untuk mencapai ka-taraf-nya yang lebih tinggi dan mulia sa-hingga di-anggap dengan kukuhnya sa-bagai bahasa ilmu pengetahuan dalam masa yang akan datang, sa-bagaimana orang mengakui akan kemashoran Bahasa Inggeris itu. Tetapi dalam masa yang ada sekarang ini dan memandang kepada suasana yang sedang mengikat pinggang kita, maka tidak boleh tidak kita terpaksa mempelajari Bahasa Inggeris dengan sungguh2 sa-bagai satu jaminan untuk kita meningkat maju dengan chepat-nya.

Bagi mempertimbangkan perkara ini dengan hati2, maka pandangan kita bertumpu kepada kepentingan jenerasi yang akan datang di-mana mereka itu akan dapat menentukan/memilih arah mana yang mereka tuju melalui ilmu pengetahuan yang ada pada mereka.

Dalam hal2 pendidikan saja dewasa ini, mungkin ramai di-antara kita menyadari sa-jauh mana langkah yang dapat di-laksanakan oleh "dangsanak" kita yang tidak dapat menguasai Bahasa Inggeris itu. Dan, ramai di-antara mereka yang terbangkalai.

Menyadari akan hal ini-lah, Kerajaan sedang mengurak langkah untuk menyelamatkan jenerasi2 yang akan agar mereka benar2 dapat menyumbangkan jasa dalam berbagai2 bidang yang di-perlukan oleh negara melalui berbagai2 jurus pendidikan yang mereka peroleh melalui perantaraan bahasa2 penting di-dunia.



Dalam lawatan ka-Khemah AMDB, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah juga melawat ka-sekitar perumahan dan barek anggota2 AMDB. Gambar atas menunjukkan ketika Duli Yang Teramat Mulia itu melawat ka-barek anggota2 yang beristeri.



Gambar ini pula menunjukkan dalam masa Duli Yang Teramat Mulia di-iringi melawat ka-angkatan barek anggota2 bujang dalam "C" Kompeni di-bawah perintah Major Pengiran Dato Ibnu.

LAWATAN D. Y. T. M. PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN KA-PERKHEMAHAN AMDB

COLONEL-In-Chief Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin telah berangkat melawat Perkhemahan Berakas pada hari Sabtu 23hb. Septembar, 1972.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang berangkat tiba dengan helikopter di-iringi oleh Yang Teramat Berhormat Penasehat Umum kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Patin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa dan ADC kepada Colonel-In-Chief Kapitan Pengiran Abidin bin Pengiran Ahmad.

Keberangkatan rombongan tersebut di-sambut oleh Pemerintah Regiment Askar Melayu Diraja Brunei, Colonel Dato B.F.L. Rooney dan Major Dato Mohammad bin Haji Daud.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan kemudian-nya telah di-bawa ke-markas regiment di-mana Duli Yang Teramat Mulia di-sambut oleh pegawai pemerintah Major D. Moore, adjutant Kapitan Hussain bin Ahmad dan Sgt. Major Regiment Wood.

Sa-belum memulakan lawatan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah memeriksa satu barisan kehormatan.

Lawatan bermula dengan kunjungan "C" dan "A", kompeni di-mana Duli Yang Teramat Mulia di-berikan penerangan oleh pegawai2 pemerintah pasokan2 tersebut, Major Pengiran Dato Ibnu dan Major Montjomary.

Kemudian Duli Yang Teramat Mulia berangkat melawat beberapa buah quarters dan di-ikuti Duli Yang Teramat Mulia di-bawa ke-ruang latihan menembak di-mana Duli Yang Teramat Mulia di-bawa melawat2 dan di-berikan penerangan oleh pegawai2 perubatan Colonel Dato Moran.

Lawatan Duli Yang Teramat Mulia berakhir di-tempat menembak di-mana Duli Teramat Mulia itu di-berikan penerangan oleh pegawai pemerintah Dato R. West. Duli Yang Teramat Mulia menyaksikan pertunjukan menembak dengan peluru hidup.

Ketika melawat ka-markas taktik gerakan, Duli Yang Teramat Mulia kelihatan sedang memberi penerangan oleh Adjutan Battalion Pertama AMDB, Kapitan Hussain Ahmad berhubung dengan susunan melaksanakan satu2 gerakan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan juga telah di-iringkan melawat ka-bahagian pertunjukan penggunaan senjata yang di-adakan di-Padang Tembak Berakas. Dalam gambar itu kelihatan sa-orang soldadu sedang menggunakan sa-jenis rifle.

Sa-telah di-alu2kan ketika turun dari helikopter yang membawa Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, tana ka-Khemah AMDB, di-depan kehormatan. D.Y.T.M. di-sambut dengan barisan kehormatan. Gambar ini kelihatan D.Y.T.M. ketika memeriksa perbarisan itu.



Dalam pameran alat2 senjata, gambar ini menunjukkan Duli Yang Teramat Mulia sedang memegang senjata AR 16 (Amourlife) ia-itu sa-jenis senjata yang di-lengkapkan kepada pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.



Duli Yang Teramat Mulia juga berkesempatan melawat ka-bahagian pameran alat2 senjata yang di-gunakan dalam pasokan AMDB. Gambar atas, Major Dato R. West menunjukkan kepada Duli Yang Teramat Mulia salah satu jenis letupan yang baru.



Dalam gambar ini pula, Duli Yang Teramat Mulia menyaksikan bagaimana anggota2 AMDB memelihara senjata2 yang di-bekalkan kepada pasokan itu. Anggota2 yang sedang bertugas ini ia-lah sa-bahagian dari anggota2 dalam "C" Kompeni di-bawah perintah Major Dato Pengiran Ibnu. Mereka ini ia-lah di-antara anggota2 AMDB yang baru saja balek ka-tanah ayer sa-telah menjalani latihan di-Hong Kong.



Dalam gambar ini pula, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan sedang di-perkenalkan kepada pegawai2 yang tidak bertauliah yang baru saja balek dari menjalani latihan2 di-Hong Kong.



Ketika tiba di-pangkalan helikopter Berakas Istana, dalam gambar ini Duli Yang Teramat Mulia di-alu2kan oleh Pegawai Pemerintah Pasokan AMDB, Col. Dato B.F.L. Rooney dan Pegawai Turus II Pasokan, Major Mohammad bin Hj. Daud. Di-belakang D.Y.T.M. ia-lah Yang Teramat Berhormat P.O.K. Laila Setia Bakti Diraja, Penasehat Umum D.Y.M.M. yang mengiringkan D.Y.T.M. dari Istana dalam lawatan itu.

KENYATAAN2. PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. /19

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Saimah binte Kawan, Kg. Belimbing, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Kawan bin Bulat yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 7 haribulan Oktober, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 25 haribulan September, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. /19

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Nayan bin Haji Miramit, Pejabat Penghapusan Malaria, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Sitam binte Jahidin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 7 haribulan Oktober, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 25 haribulan September, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 94/1972.

